

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (55)

Tarikh : 20 Januari 2016

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN HARIAN METRO BERTAJUK "GAGAL DAFTAR ANAK MASUK SEKOLAH" BERTARIKH 14 JANUARI 2016, KHAMIS – M.S: 40 (SETEMPAT)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Johar bin Ahmad berkenaan lima orang anak beliau yang belum memiliki sijil kelahiran.

3. Hasil semakan mendapati kelima-lima anak beliau telah memiliki sijil kelahiran berstatus bukan warganegara Malaysia berdasarkan taraf warganegara ibu mereka yang merupakan seorang warga Indonesia. Hal ini disebabkan Encik Johar bin Ahmad tidak pernah mendaftar semula perkahwinan beliau.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama beliau untuk hadir ke JPN bagi mengemukakan permohonan kewarganegaraan anak-anak beliau di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan sebelum mencapai umur 21 tahun.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)